



PENGENALAN

Berdasarkan Peraturan 32, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009, semua pengendali makanan wajib mematuhi keperluan pakaian pengendali makanan. Dalam konteks ini, pengendali makanan termasuklah individu atau orang yang terlibat secara langsung dalam penyediaan bahan mentah, penyediaan makanan, penyajian, pembungkusan, pengendalian dan pembersihan peralatan

Apakah Keperluan Pakaian Pengendali Makanan.

Pakaian yang bersih, sesuai dan wajar, yang tidak menyumbang kepada apa-apa pencemaran makanan.

Baju luar yang bersih, sesuai dan bewarna cerah, penutup kepala dan kasut.

Apakah Kehendak Bagi Pemakai Pakaian Pelindung Pengendali

Penutup kepala hendaklah menutupi bahagian depan dan atas kepala.

Pakaian pelindung di bahagian badan menutupi bahagian dada ke Kasut yang sesuai mengikut tugas/ kerja pengendali makanan dan menutupi keseluruhan kaki

Pakaian pelindung hendaklah bersih dan bewarna cerah

Pakaian pelindung wajib dipakai semasa mengendali makanan dan di dalam kawasan pengendalian makanan

Pakaian pelindung hendaklah ditanggalkan dan disimpan di tempat khas seperti almari apabila keluar dari kawasan pengendalian makanan dan jika hendak ke tandas

Apakah Tindakan Terhadap Pengendali Makanan Yang Melanggar Peraturan.

Mengikut Peraturan 32(2), Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009, mana-mana pengendali makanan yang melanggar peraturan adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan, boleh DIDENDA tidak melebihi satu ribu ringgit (1,000).



GAMBAR DAN KETERANGAN



Kepala

Penutup kepala hendaklah.
1. Menutup rambut.
2. Bewarna cerah

Badan.

Pakaian pelindung menutupi paras dada hingga lutut.
1. Bewarna cerah.
2. Contoh apron.

Tangan.

1. Sarung tangan pakai buang (sekiranya perlu).
2. Dilarang memakai aksesori seperti cincin

Kaki.

1. Kasut yang selamat dan bertutup penuh

